



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM

KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA KOMITED MENGURUSKAN HUTAN SECARA BERKEKALAN

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) mengambil maklum akan penerbitan laporan bertajuk "State of Malaysian Rainforest 2023" oleh pertubuhan RimbaWatch baru-baru ini. Kami menghargai usaha masyarakat sivil untuk meningkatkan kesedaran tentang isu kehilangan hutan.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini juga mengambil maklum bahawa dapatan tersebut (seperti yang dinyatakan di halaman 51 dokumen), adalah suatu anggaran, dan Kementerian ini tidak dapat bertindak balas terhadap dapatan ini tanpa menyemak dan mengesahkan kajian sepenuhnya.

Pemuliharaan hutan adalah sebahagian daripada teras dalam mencapai komitmen Malaysia terhadap Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB). Laporan Penilaian Sumber Hutan Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2020 (*United Nations Global Forest Resource Assessment Report 2020*) menyenaraikan Malaysia sebagai salah satu negara yang diiktiraf sebagai negara Hutan Tinggi, Penebangan Hutan Rendah (*High Forest, Low Deforestation*) di kalangan 25 negara membangun yang lain.

NRECC serta jabatan dan agensi di bawahnya secara berterusan mengambil langkah proaktif untuk mengukuhkan pengurusan perhutanan termasuk:

- a. mengenal pasti dan meningkatkan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Sebagai contoh, pada masa ini, NRECC sedang dalam peringkat akhir pewartaan HSK yang pertama di Wilayah Persekutuan Labuan;
- b. meningkatkan peruntukan Insentif Konservasi Biodiversiti dan Perhutanan (*Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT*) untuk pemuliharaan biodiversiti pada 2023 kepada RM150 juta, dengan peningkatan sebanyak 150% sejak pelaksanaannya pada 2019;
- c. melaksanakan pelbagai strategi di bawah Dasar Perhutanan Malaysia (DPM);
- d. mendakwa 90 pesalah kes pembalakan haram di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 di Semenanjung Malaysia, Ordinan Hutan 2015 di Sarawak dan Enakmen Hutan Sabah 1968;
- e. tidak mengeluarkan Skim Operasi Melombong (OMS) untuk aktiviti perlombongan di HSK atau Kawasan Perlindungan dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) yang lain;

- f. menetapkan moratorium terhadap penubuhan ladang hutan baharu dalam HSK;
- g. menggunakan sistem *Forest Monitoring using Remote Sensing* (FMRS) di Semenanjung Malaysia dan Sistem *Continuous Monitoring of Surveillance* (COMOS) di Sarawak dan aplikasi iForSabah di Sabah dilengkapi teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan imej satelit resolusi tinggi untuk mengesan sebarang perubahan dalam hutan simpan kekal; dan
- h. memperkasakan komuniti Orang Asli dan penduduk tempatan (IPLC) melalui Pelan Strategik Perhutanan Sosial Malaysia 2021-2025, pemulihan kawasan pesisir pantai, pengambilan petugas renjer komuniti, penubuhan nurseri, kawasan ekopelancongan serta taman-taman rekreasi.

Usaha ini memerlukan kerjasama padu daripada pelbagai pihak. Oleh itu kami mengalu-alukan dan menghargai maklum balas berterusan daripada masyarakat sivil, ahli akademik, sektor swasta, kerajaan negeri dan orang awam dalam memperhalusi serta menambah baik mutu perkhidmatan NRECC.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)

22 MAC 2023

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia